

# LAWATAN KERJA PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH KE NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH SEBERANG JAYA PULAU PINANG

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2216-lawatan-kerja-pangkalan-udara-butterworth-ke-national-institute-of-occupational-safety-and-health-seberang-jaya-pulau-pinang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2216-lawatan-kerja-pangkalan-udara-butterworth-ke-national-institute-of-occupational-safety-and-health-seberang-jaya-pulau-pinang)

BUTTERWORTH, 8 Ogos 17 - No 3 Skuadron, PU Butterworth yang diketuai oleh Mej Phang Kok Leong TUDM telah mengadakan satu lawatan ke *National Institute Of Occupational Safety and Health* atau lebih dikenali sebagai NIOSH yang terletak di Kompleks Sempilai Jaya, Seberang Jaya. Lawatan ini telah dirancang oleh Pegawai Keselamatan No 3 Skn, Mej Mohd Ariffaizi bin Omar TUDM sebagai salah satu aktiviti keselamatan skuadron. Lawatan ini disertai 12 Pegawai dan 24 Anggota LLP daripada No 3 Skn, No 15 Skn, No 18 Skn dan Cawang Kejuruteraan PU Butterworth.

Dalam sesi lawatan ini, para peserta telah ditaklimatkan tentang Visi, Misi dan Polisi Institut ini oleh Puan Rosiyanti bt Ahmad Tajuddin. Di samping itu, penerangan tentang kursus-kursus serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh NIOSH turut disampaikan. Setelah selesai sesi taklimat, para peserta lawatan telah dibawa melawat ke Simulator Confined Space.

Sesi lawatan telah berakhir sekitar jam 11 pagi dengan sesi penggambaran bersama staf NIOSH di hadapan lobi pejabat NIOSH.



